

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Kerajaan berhasrat menjadikan aplikasi MySejahtera sebagai alat pengurusan kesihatan awam negara atau *digital public health super apps*, kata **Timbalan Menteri Kesihatan Lukanisman Awang Sauni**.

Lukanisman berkata, ia akan dijadikan sebagai satu data raya dengan semua maklumat berkenaan kesihatan digunakan untuk panduan dalam menentukan hala tuju kesihatan negara merangkumi aspek penyediaan bajet, perkhidmatan kesihatan terbaik dan memudahkan rakyat.

"Bagi pembayaran (kos perolehan MySejahtera) atau

MySejahtera jadi alat pengurusan kesihatan awam negara

jumlah yang dipersetujui kerajaan melalui siling ditetapkan Kementerian Kewangan pula adalah sejumlah RM160 juta," katanya pada sidang Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching)** yang antaranya ingin tahu hala tuju aplikasi itu dan sama ada kerajaan akan melanjutkan tempoh kontrak perolehan aplikasi itu serta jumlah dibayar bagi perolehan aplikasi itu.

Selain itu, katanya antara

halu tuju lain yang sedang dirancang termasuk menggunakan data yang pada aplikasi itu ditambah maklumat yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan untuk mengenalpasti golongan yang layak untuk menerima inisiatif Skim Perubatan Madani yang diumumkan dalam Belanjawan 2023.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan dikemukakan **Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat)** yang bertanyakan sama ada kerajaan akan menggunakan ap-

likasi MySejahtera itu dalam menyediakan perkhidmatan Skim Perubatan Madani.

Sementara itu, menjawab soalan asal Dr Yii yang ingin tahu pelan KKM dalam mengoptimalkan penggunaan MySejahtera, Lukanisman berkata, KKM komited menjadikan aplikasi MySejahtera sebagai alat pengurusan kesihatan awam negara selaras dengan pelan pendigitalan perkhidmatan kesihatan.

Beliau berkata, aplikasi berkenaan akan berfungsi membabitkan surveilans penyakit berjangkit seperti ti-

bi, denggi, demam campak, penyakit anjing gila dan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

"Selain itu, rekod vaksinasi di bawah Program Imunisasi Kebangsaan Malaysia; rekod saringan penyakit tidak berjangkit kepada individu berumur 40 tahun dan ke atas di bawah inisiatif saringan kesihatan kebangsaan.

"Pendaftaran ikrar derma organ; rekod penamaan darah dan tempahan janji temu untuk saringan kesihatan," katanya.

Mengenai perincian hasil

rundingan kementerian dengan Syarikat MySJ Sdn Bhd, Lukanisman berkata, KKM dan syarikat berkenaan sudah mencapai beberapa persetujuan antaranya kontrak bagi perolehan pengurusan aplikasi itu secara rundingan terus adalah bagi tempoh bermula 1 April 2021 hingga 31 Mac ini.

"Hak milik aplikasi dan data MySejahtera meliputi hak harta intelek, kod sumber bagi modul yang telah dibangunkan serta data, jenama dan logo adalah milik kerajaan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Tubuh suruhanjaya siasat isu kelewatan di Hospital Bentong

BENTONG – Satu suruhanjaya perlu ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah perkhidmatan di Hospital Bentong termasuk isu kelewatan mendapat rawatan yang dilihat semakin kritikal.

Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman berkata, ia penting bagi menyiasat dan melakukan kajian mengenai pelbagai isu di hospital berkenaan yang semakin membimbangkan.

"Apakah yang menyebabkan doktor-doktor dan kakitangan



KERATAN Kosmo! 26 Februari 2023.

kesihatan ini semakin kurang motivasi untuk berkhidmat? Pihak kementerian juga perlu memberikan fokus dan mengambil kira kesihatan mental dan emosi mereka.

"Acap kali saya menerima aduan daripada penduduk yang pergi ke Hospital Bentong untuk mendapatkan rawatan bahawa masa menunggu amat panjang," katanya dalam satu kenyataan.

Kelmarin Kosmo! Ahad melaporkan mengenai keluhan pe-

sakit di Hospital Bentong yang terpaksa menunggu berjam-jam sehingga ada yang terpaksa balik tanpa menerima rawatan.

Isu yang berlarutan itu menyebabkan ada pesakit yang 'mengamuk' sehingga menimbulkan perbalahan dengan petugas kesihatan, malah ada yang tidak tahan 'membeku' sanggup pulang tanpa berjumpa doktor.

Menurut Young Syefura, isu yang melibatkan kepentingan

masyarakat ini perlu diberi perhatian segera oleh Kementerian Kesihatan bagi memastikan ia tidak terus membebankan masyarakat.

"Satu reformasi tataraca perkhidmatan kesihatan yang meliputi pengurangan tempoh menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan mewujudkan waktu operasi yang fleksibel di klinik kesihatan berpopulasi tinggi perlu diperkenalkan," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 11
 RUANGAN : NASIONAL

Kementerian bincang status MySejahtera

Sasar guna aplikasi MySejahtera sebagai alat pengurusan kesihatan awam negara

Oleh **NURHIDAYAH HAIROM**
 dan **DIANA AZIS**
KUALA LUMPUR

Keputusan sama ada aplikasi MySejahtera akan diguna sebagai alat pengurusan kesihatan awam negara akan ditentukan dalam masa terdekat susulan kontrak perolehan pengurusan aplikasi tersebut akan tamat pada 31 Mac ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, Kementerian telah mengadakan rundingan dengan Syarikat MySJ Sdn Bhd dan hasil rundingan tersebut akan dibentangkan kepada jemaah menteri dalam masa terdekat.

"Kerajaan menyasarkan untuk mengangkat aplikasi MySejahtera sebagai alat pengurusan kesihatan awam negara di mana kita akan jadikan aplikasi ini sebagai satu data raya di hujung jari dan semua maklumat berkenaan kesihatan akan digunakan untuk melihat hala tuju kesihatan dari segi men-



Kerajaan menyasarkan untuk menggunakan aplikasi MySejahtera sebagai alat pengurusan kesihatan awam negara.

dapatkan bajet dan juga menyediakan perkhidmatan terbaik untuk memudahkan rakyat," katanya di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau menjawab soalan **Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH - Bandar Kuching)** yang meminta Menteri Kesihatan menjelaskan tentang perincian hasil rundingan Kementerian dengan Syarikat MySJ Sdn Bhd untuk membeli MySejahtera dan pelan Kementerian untuk mengoptimalkan penggunaan MySejahtera.

Lukanisman berkata, kesemua modul di bawah aplikasi MySejahtera adalah milik kerajaan dan hak milik aplikasi serta data MySejahtera yang meliputi hak harta intelek, kod sumber bagi modul-modul telah dibangunkan serta

data, jenama dan logo MySejahtera adalah milik kerajaan.

Menjawab soalan tambahan mengenai jaminan ketirisan data MySejahtera, beliau berkata, isu tiga juta data yang dimuat naik akaun Super Admin adalah langkah keselamatan yang dilakukan pihak MySejahtera.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat mengulas lanjut kerana masih dalam siasatan.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 Siri 2 mendedahkan terdapat 1.12 juta cubaan memecah masuk aplikasi MySejahtera. Sebanyak tiga juta maklumat pengguna aplikasi MySejahtera dilaporkan telah diakses secara mencurigakan daripada akaun Super Admin.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Lukanisman: No data leaks in MySejahtera app

THE personal details of three million MySejahtera users which were downloaded using a "super admin" account was part of a security measure against attempts to hack into the app, says Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni.

"On the issue of data involving three million users, it was downloaded by the 'super admin' as a safety measure.

"When an attack occurs, the super admin carries out an administrative step to look at the data.

"I am unable to provide further explanation to the House as the matter is still under investigation by the police," he told Datuk Dr Ahmad Hairi (PN-Kuala Langat).

Lukanisman acknowledged that there have been attempts to hack the MySejahtera app, but said no data leaks had occurred.

Dr Ahmad asked whether the data under the MySejahtera app was secure after the Auditor-

"When an attack occurs, the super admin carries out an administrative step to look at the data."

Lukanisman Awang Sauni

General's Report 2021 Series 2 revealed that there were 1.12 million attempts to hack the app with the information of about three million users reportedly accessed in a suspicious manner from the "super admin" account.

Dr Ahmad also asked whether

the app would be used for the Madani Health Scheme to determine those from the B40 group who were eligible for the programme.

The scheme will see an allocation of RM120mil under Budget 2023 to provide a "credit" facility for the B40 group that allows them to see a general practitioner at private clinics without having to go to the Emergency Department of public hospitals.

On Feb 23, Communications and Digital Minister Fahmi Fadzil informed the House that Cyber Security Malaysia was ordered to investigate reports of personal data leakage of MySejahtera app users.

On a separate question by Dr Kelvin Yii (PH-Bandar Kuching), Lukanisman said the Cabinet would make a decision soon whether to convert MySejahtera into a super public health app.

He said the proposal was made in

light of the impending government takeover of the app's ownership from MySJS Sdn Bhd on March 31.

Lukanisman added that ownership of the app would include data, intellectual property, modules, brand and logo, and said the government would have full control and use of the app without any additional cost.

He said the government had agreed to make payments totalling RM160mil for the app which was made through direct negotiations between April 2021 and March 31 this year.

The MySejahtera app was initially developed by KPISoft Sdn Bhd under a corporate social responsibility agreement with the government.

The agreement was for the period between March 27, 2020, until March 31, 2021, without the government needing to make any payment for the app.